



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

PEKELILING PERMOHONAN UPUOnline KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM (UA), POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI DAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM (ILKA)

***Dasar & Prosedur Kemasukan ke Program
Sijil dan Diploma Politeknik Konvensional/
METrO, Kolej Komuniti & Institusi Latihan
Kemahiran Awam (ILKA) Bagi Lulusan
SPM Ambilan 2017***

Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi, Aras 4, No 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya

24 Januari 2017

ISI KANDUNGAN

1. PENYELARASAN PENGAMBILAN	2
Program Pengajian.....	2
Penyelarasan Penawaran	3
2. PEMBELIAN NOMBOR UNIK ID.....	3
3. e-PANDUAN	4
Syarat Am Kemasukan.....	4
Syarat Khas.....	4
4. PERMOHONAN	5
Kategori Permohonan	5
Sah & Hantar.....	6
Semakan Permohonan.....	7
Kemas kini Permohonan	7
5. PEMROSESAN & PEMILIHAN	8
Dasar & Kriteria Pemilihan	8
Markah Kokurikulum.....	8
Pengiraan Merit.....	8
Proses Pemilihan Jaya	10
6. HEBAHAN	11
Surat Tawaran.....	11
7. RAYUAN	12
8. TARIKH-TARIKH PENTING	12
9. KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (KPTN) 2017.....	13
CONTOH PENGIRAAN MARKAH MERIT	15

Dasar dan Prosedur Kemasukan ke Program Sijil dan Diploma Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti & ILKA Bagi Lulusan SPM Ambilan 2017

1. PENYELARASAN PENGAMBILAN

1.1 BPKP JPT menyelaraskan permohonan, pemprosesan dan pemilihan kemasukan ke Program Sijil dan Diploma Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti & ILKA Bagi Lulusan SPM di empat (4) Agensi/ Institusi bagi Ambilan Jun/ Julai sahaja seperti berikut :-

Agensi	Institusi
1. Institusi Latihan Kementerian Belia dan Sukan (ILKBS)	IKBN/ IKTBN/ AKBG
2. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK)	Kolej Komuniti
3. Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP)	Politeknik Konvensional/ METrO
4. Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)	NATC

Program Pengajian

1.2 Program pengajian terbuka kepada semua pemohon yang berkelayakan :

- a) Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi (JPP, KPT);
- b) Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi (JPKK, KPT);
- c) Institusi Latihan Belia dan Sukan, Kementerian Belia dan Sukan (ILKBS, KBS);
 - Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN)
 - Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)
 - Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG)
- d) Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (NATC, MOA).

Penyelarasan Penawaran

- 1.3 Melaksanakan tawaran terbuka dengan Bahagian Matrikulasi KPM, Bahagian Pendidikan Guru KPM dan Penaja. Pemohon boleh memilih mana-mana tawaran berdasarkan minat pemohon ke atas program pengajian yang ditawarkan.
- 1.4 Melaksanakan penyelarasan penawaran bersama UA/ Politeknik Premier yang mengendalikan program Asasi dan Diploma bagi Lulusan SPM untuk kemasukan ke UA dan Politeknik Premier. Pemohon yang **berjaya ditawarkan tempat di UA dan Politeknik Premier TIDAK** akan ditawarkan dengan program pengajian Sijil/ Diploma di Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti dan ILKA.
- 1.5 Bagi pemohon yang **tidak mendapat tawaran UA/ Politeknik Premier** dan **berjaya** ditawarkan ke program Diploma Politeknik Konvensional/METrO, Kolej Komuniti & ILKA, pemohon **tidak dibenarkan mengemukakan rayuan ke UA/ Politeknik Premier.**

2. PEMBELIAN NOMBOR UNIK ID

- 2.1 Sebelum mengemukakan permohonan, pemohon dikehendaki membeli Nombor Unik ID di Bank Simpanan Nasional (BSN) terdekat dan kaedah pembelian Nombor Unik ID adalah secara **individu seperti berikut**:
 - a) Pembelian mulai **06 Februari hingga 30 Mac 2017. Jualan Nombor Unik ID ditutup sehari awal** daripada tarikh tutup permohonan.
 - b) Pembelian secara individu melalui **kaunter BSN, Mesin Automated Teller Machine (ATM) dan Perbankan Internet**. Pembelian melalui kaedah Mesin *Automated Teller Machine* (ATM) dan Perbankan Internet memerlukan pemohon/ ibu bapa **memiliki Akaun GIRO BSN**.
 - c) Bayaran Wang Proses sebanyak **RM15.60 (tidak termasuk GST)**. Pihak BSN akan mengenakan caj GST tersebut. Pemohon perlu membayar **RM15.64** untuk membeli No. Unik ID.
 - d) Salinan Kad Pengenalan/ MyKad pemohon perlu dikemukakan semasa pembelian.
 - e) Pembelian Nombor Unik ID mestilah berdasarkan **Nama dan Nombor Kad Pengenalan/MyKad pemohon**. BSN akan mengeluarkan salinan resit pembayaran bersama-sama dengan Nombor Unik ID.
- 2.2 Jangan **dedahkan** Nombor Unik ID kepada orang lain, kerana ia adalah **SULIT**.

3. e-PANDUAN

3.1 Semua program pengajian yang ditawarkan oleh Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti & ILKA bagi Ambilan Tahun 2017 boleh didapati dalam e-Panduan dengan melayari pautan URL seperti berikut :-

<https://online.mohe.gov.my/upu/vteilka/fepanduan/index.php>

3.2 Pemohon hanya pilih *Senarai Program Pengajian Yang Ditawarkan* → *Lepasan SPM/Setaraf* → Klik butang *MASUK*. Pemohon boleh mendapatkan maklumat program pengajian yang ditawarkan mengikut Agensi/ Institusi.

3.3 Selain daripada senarai program pengajian yang ditawarkan, pemohon juga boleh mendapatkan maklumat berkenaan dengan syarat am dan khas yang telah ditetapkan.

Syarat Am Kemasukan

3.4 Hanya Warganegara Malaysia yang mempunyai No. KP/My Kad sahaja yang layak mengemukakan permohonan.

3.5 Pemohon boleh membaca, menulis dan mengira.

Syarat Khas

3.6 Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat khas program pengajian seperti yang dinyatakan dalam SYARAT KHAS PROGRAM e-Panduan Permohonan Kemasukan ke Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti & ILKA bagi Program Pengajian Lepasan SPM.

4. PERMOHONAN


- 4.1 Iklan Permohonan Kemasukan Pelajar ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA bagi Sesi Akademik 2017/2018 akan disiarkan **pada hari Ahad** sebanyak **dua (2)** kali iaitu pada **05 Februari 2017 dan 05 Mac 2017**.
- 4.2 Permohonan akan **dibuka mulai 06 Februari 2017 jam 12.00 tengah hari** dan **ditutup pada 31 Mac 2017 jam 11.59 malam**.
- 4.3 Pemohon Lulusan SPM diwajibkan mengemukakan permohonan kemasukan ke Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti & ILKA melalui Sistem UPUOnline sahaja di <http://upu.mohe.gov.my>.
- 4.4 Pastikan sebelum mengisi maklumat dalam UPUOnline, pemohon dinasihatkan membaca terlebih dahulu panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi mengelakkan pemohon memilih program yang tidak melepasi syarat khas program.

Kategori Permohonan

- 4.5 Permohonan kemasukan ke Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti & ILKA bagi Program Pengajian Lulusan SPM Ambilan Tahun 2017 hanya dibuka untuk kategori berikut :-

Kategori A	Pemohon Lulusan SPM 2016
Kategori B	Pemohon Lulusan SPM 2015 atau 2014

- 4.6 Pemohon dikehendaki **Daftar Kali Pertama** bagi mengakses UPUOnline untuk permohonan kemasukan ke UA/ Politeknik Premier, Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti dan ILKA **Baharu**
- 4.7 Pemohon wajib memasukkan **enam (6) item** berikut untuk membuat Daftar Kali Pertama :-
 - a) No Kad Pengenalan
 - b) Alamat E-mel
 - c) Nama Ibu
 - d) Kata Laluan
 - e) Kod Keselamatan
 - f) Soalan Keselamatan Profil Akaun
- 4.8 Pemohon wajib memasukkan **lima (5) item** berikut untuk mengemukakan permohonan kali pertama :-
 - a) No. Kad Pengenalan/MyKAD Semasa Pendaftaran Peperiksaan
 - b) No. Unik ID
 - c) Jenis Permohonan
 - d) Program Pengajian
 - e) Kategori



Rajah 1 - Carta Alir Permohonan UPUOnline

4.9 Pemohon **wajib memilih 5 pilihan** program pengajian yang **berbeza**. Jika berminat dengan program pengajian yang **bertemu duga**, pemohon boleh mengemukakan pilihan pada **Pilihan 1 dan 2 sahaja**.

4.10 Semua program pengajian yang ada temu duga ditandakan dengan **tanda (#) pada akhir nama program pengajian dalam UPUOnline**.

4.11 Maklumat penting yang wajib diisi oleh pemohon ditandakan dengan tanda (*) dalam borang sistem permohonan kemasukan pelajar. Manakala tanda (**) adalah merujuk kepada wajib mengisi salah satu medan maklumat.

Sah & Hantar

4.12 Pemohon wajib klik butang “**Sah & Hantar**” bagi memastikan maklumat permohonan telah selamat diterima oleh sistem. Maklumat yang dicetak sebelum klik butang “**Sah & Hantar**” tidak boleh dijadikan sebagai bukti bahawa pemohon telah berjaya mengemukakan permohonan.

4.13 Setelah klik butang “**Sah & Hantar**”, pernyataan “**Permohonan anda telah dihantar dan akan diproses. Anda boleh menyemak maklumat anda pada Slip Permohonan kemasukan pelajar yang telah dipaparkan**” dan **Slip Permohonan Kemasukan Pelajar akan dipaparkan** dengan maklumat seperti berikut:-

- a) Tarikh Permohonan;
- b) Masa Permohonan;
- c) Rujukan Permohonan;
- d) Semua maklumat permohonan yang telah diisi.

4.14 Maklumat lengkap permohonan boleh dicetak melalui pautan “Slip Permohonan”. Sekiranya pemohon berjaya mengemukakan permohonan, laman ini akan memaparkan **Slip Permohonan Kemasukan Pelajar** .

Semakan Permohonan

4.15 Jika pemohon **tidak menyimpan/ mencetak Slip Permohonan** ketika mengemukakan permohonan kali pertama, maklumat lengkap permohonan boleh dicetak melalui pautan “**Slip Permohonan**”. Sekiranya pemohon berjaya mengemukakan permohonan, laman ini akan memaparkan Slip Permohonan Kemasukan Pelajar untuk simpanan dan cetakan.

Kemas kini Permohonan

4.16 Proses kemas kini maklumat permohonan boleh dibuat oleh pemohon selepas berjaya mengemukakan permohonan.

4.17 **Proses pengemaskinian** maklumat boleh dilakukan oleh pemohon **tanpa had sehingga tarikh tutup permohonan**. Sebarang pengemaskinian maklumat adalah di bawah tanggungjawab pemohon.

4.18 Sekiranya pemohon lupa Kata Laluan yang diisi semasa mengemukakan permohonan bagi tujuan pengemaskinian, pemohon boleh mendapatkan Kata Laluan dengan klik pautan ‘Lupa Kata Laluan’. Pemohon perlu menjawab beberapa soalan keselamatan sebelum kata laluan dipaparkan kepada pemohon. Kata Laluan akan dihantar ke emel yang telah didaftarkan. *Baharu*

5. PEMROSESAN & PEMILIHAN

Dasar & Kriteria Pemilihan

- 5.1 Dasar pemilihan adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 75% markah akademik, 10% markah kokurikulum dan 15% Status Sosio-Ekonomi (SES) meliputi pendapatan, tanggungan dan tempat tinggal.
- 5.2 Kriteria pemilihan kemasukan adalah seperti berikut:-
- Pencapaian akademik dalam peperiksaan SPM;
 - Pencapaian dalam aktiviti kokurikulum;
 - Tanggungan, pendapatan dan tempat tinggal (SES);
 - Kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan program pengajian/ kursus dipohon;
 - Gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan;
 - Memenuhi syarat khas program pengajian/ kursus seperti yang ditetapkan oleh Agensi/ Institusi;
 - Program pengajian/ kursus pilihan pemohon mengikut keutamaan; dan
 - Bilangan tempat yang disediakan oleh Agensi/ Institusi.

Markah Kokurikulum

- 5.3 Markah kokurikulum 10% bagi calon sekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan dibekalkan oleh Bahagian Seni dan Kokurikulum KPM kepada BPKP JPT.

Pengiraan Merit

5.4 Markah Akademik

Nilai gred mata pelajaran bagi tujuan pengiraan markah adalah seperti berikut:

GRED	MARKAH
A+/0	10
A/1A	9
A-/2A	8
B+/3B	7
B/4B	6
C+/5C	5
C/6C	4
D/7D	3
E/8E	2

GRED	MARKAH
G/9G	1

5.5 Kaedah Pengiraan Markah Akademik

a) **Mengambil kira 5 mata pelajaran** berikut:

- i. Bahasa Melayu;
- ii. Matematik/ Matematik Tambahan dan
- iii. Satu (1) mata pelajaran SPM terbaik dari kumpulan Sains/ Vokasional/ Teknologi dan
- iv. Dua (2) mata pelajaran terbaik yang belum diambil kira

5.6 Pengiraan Markah Merit melibatkan komponen berikut:-



Rajah 2 - Pengiraan Markah Akademik (75%)



Rajah 3 - Pengiraan Markah Merit

5.7 Contoh Pengiraan Merit adalah seperti di Lampiran A.

Proses Pemilihan Jaya

- 5.8 Pemohon mengikut aliran disusun mengikut ranking berdasarkan Markah Merit yang paling tinggi hingga yang paling rendah.
- 5.9 Proses penentuan pemilihan dilaksanakan secara berkomputer dengan pengesahan pemilihan oleh semua Agensi/ Institusi. Berikut adalah gambaran pemrosesan pemilihan:

Merit	Pil1	Pil2	Pil3	Pil4	Pil5	Jaya
-------	------	------	------	------	------	------

000101						PIL2
--------	--	--	--	--	--	------

Pil 1 = Melepassi Syarat ✓
Unjuran Ada ✓
Ada perakuan temu duga ✗

Pil 2 = Melepassi Syarat ✓
Unjuran Ada ✓
Ada perakuan temu duga ✓

000102						PIL3
--------	--	--	--	--	--	------

Pil 1 = Melepassi Syarat ✗
Unjuran Ada ✗

Pil 2 = Melepassi Syarat ✓
Unjuran Ada ✓
Ada perakuan temu duga ✗

Pil 3 = Melepassi Syarat ✓
Unjuran Ada ✓

000103						PIL5
--------	--	--	--	--	--	------

Pil 1 = Melepassi Syarat ✗
Unjuran Ada ✗

Pil 1 - 2 = Melepassi Syarat ✗ ✓
Unjuran Ada ✓ ✗
Ada temu duga dan Agensi/
Institusi tidak peraku temu duga ✗ ✓

Pil 3 - 4 = Melepassi Syarat ✓ ✗
Unjuran Ada ✗ ✓

000104						
--------	--	--	--	--	--	--

Tidak Berjaya

Pil 1 = Melepassi Syarat ✗
Unjuran Ada ✗

Pil 1 - 2 = Melepassi Syarat ✗ ✓
Unjuran Ada ✓ ✗
Ada temu duga dan Agensi/
Institusi tidak peraku temu duga ✗ ✓

Pil 3 - 5 = Melepassi Syarat ✓ ✗ ✗
Unjuran Ada ✗ ✓ ✗

6. HEBAHAN

- 6.1 BPKP JPT menggunakan perkhidmatan SMS dan Internet untuk memaklumkan **status permohonan dan keputusan permohonan kemasukan ke Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti & ILKA.**
- 6.2 Hebahan Status Keputusan Permohonan dijangkakan akan diumumkan pada **Minggu Ke-3 Mei 2017 (Tentatif)** melalui saluran hebahan seperti berikut:
- a) Internet
<http://upu.mohe.gov.my>
 - b) HOTLINE UPU : 03-8870 8200
 - c) SMS 15888 (IOD)
- 6.3 Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan boleh hubungi BPKP JPT di alamat dan talian seperti berikut :-

**Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
Jabatan Pendidikan Tinggi,
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 4, No. 2 Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 W.P. Putrajaya
No. Tel : (03) 8870 8200
E-mel : upu@mohe.gov.my
Laman Sosial :**



Surat Tawaran

- 6.4 Surat tawaran rasmi akan dikeluarkan oleh Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti & ILKA mulai **sehari selepas keputusan permohonan diumumkan** melalui laman web Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti & ILKA masing-masing.
- 6.5 Pemohon dikehendaki membuat pengesahan setuju terima tawaran melalui Laman Web Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti & ILKA dalam **tempoh sepuluh (10) hari** selepas keputusan permohonan diumumkan.
- 6.6 **Tawaran adalah muktamad.**

7. RAYUAN

- 7.1 Hanya pemohon yang **GAGAL** mendapat tawaran ke **UA/Politeknik Premier** serta **TIDAK** mendapat tawaran **Diploma di Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti dan ILKA** sahaja yang boleh mengemukakan permohonan rayuan.
- 7.2 Permohonan rayuan hanya dalam **tempoh 5 hari** selepas keputusan permohonan kemasukan ke Politeknik Konvensional/ METrO, & ILKA diumumkan.
- 7.3 Pemohon dibenarkan mengemukakan **DUA (2)** pilihan program pengajian semasa mengemukakan permohonan rayuan. Pemohon dibenarkan membuat pengemaskinian tanpa sebarang had sehingga tarikh tutup permohonan rayuan.
- 7.4 Pemilihan bagi permohonan rayuan adalah untuk mengisi kekosongan tempat yang berlaku selepas pendaftaran pelajar baharu di Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti & ILKA.

8. TARIKH-TARIKH PENTING

- 8.1 Berikut adalah tarikh-tarikh penting yang berkaitan dengan permohonan kemasukan ke Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti & ILKA Bagi Program Pengajian Lulusan SPM Ambilan Tahun 2017 :-

	Tarikh
Siaran Iklan	05.02.2017 dan 05.03.2017
Jualan No. Unik ID	06.02.2017 hingga 30.03.2017
Permohonan	06.02.2017 hingga 31.03.2017
Hebahan Keputusan	Minggu Ke-3 Mei 2017
Permohonan Rayuan	Minggu Ke-3 Mei 2017 (Rayuan dalam tempoh 5 hari)
Hebahan Keputusan Rayuan	Minggu Ke-3 Jun 2017

9. KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (KPTN) 2017

Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) Kali Ke-13 Tahun 2017 akan diadakan di tujuh (7) zon mulai Februari hingga Mac 2017. Objektif utama pelaksanaan KPTN adalah seperti berikut :

- i. Mempromosi serta menyebarkan luas maklumat mengenai program pengajian sedia ada serta program baru yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti, ILKA, Bahagian Matrikulasi (BMKPM) dan institusi lain bagi Sesi Akademik 2017/2018;
- ii. Mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke UA dan Politeknik, Kolej Komuniti & ILKA melalui UPUOnline;
- iii. Menyampaikan maklumat mengenai pelaksanaan dasar pemilihan kemasukan ke UA/Politeknik Premier yang menggunakan pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum;
- iv. Menyampaikan maklumat mengenai pelaksanaan dasar pemilihan kemasukan ke Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang menggunakan pakai 75% markah akademik, 10% markah kokurikulum dan 15% markah SES; dan
- v. Memotivasikan dan mendidik pemohon dalam menyebarkan luas maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi di UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA dalam negara serta agensi lain yang berkaitan dengan pendidikan tinggi.

**JADUAL PELAKSANAAN
KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (KPTN) TAHUN 2017**

ZON	TARIKH	NEGERI	LOKASI
1	11-12 Feb 2017 (Sabtu & Ahad) 9pg-5ptg	(Zon Timur) Kelantan Terengganu Pahang	AEON Kota Bharu Kota Baharu, Kelantan Perasmian Pembukaan : Y.B Menteri KPT
2	18-19 Feb 2017 (Sabtu & Ahad) 9pg-5ptg	(Zon Utara I) Perlis Kedah	Dewan Ilmu Kampus UNIMAP Pauh Putra Perlis
3	25-26 Feb 2017 (Sabtu & Ahad) 9pg-5ptg	(Zon Selatan) Johor Melaka	Kampus UTHM Batu Pahat, Johor
4	4-5 Mac 2017 (Sabtu & Ahad) 9pg-5ptg	(Zon Utara II) Pulau Pinang Perak	Padang Kawad, Kampus Induk, USM Pulau Pinang
5	11-12 Mac 2017 (Sabtu & Ahad) 8.30pg-5ptg	(Zon Sabah) Sabah	One Borneo Hyper Mall Kota Kinabalu, Sabah
6	18-19 Mac 2017 (Sabtu & Ahad) 8.30pg-5ptg	(Zon Sarawak) Sarawak	CityONE Megamall Kuching, Sarawak
7.	25-26 Mac 2017 (Sabtu & Ahad) 9pg-5ptg	(Zon Tengah) Selangor Putrajaya Kuala Lumpur Negeri Sembilan	Perkarangan Dewan Tuanku Canselor USIM Negeri Sembilan Perasmian Penutup : Y.B Menteri KPT

CONTOH PENGIRAAN MARKAH MERIT

i. Contoh calon SPM mengambil 8 Mata Pelajaran

BIL.	MATA PELAJARAN	GRED
1	Bahasa Melayu	A-
2	Bahasa Inggeris	A-
3	Pendidikan Islam	B+
4	Sejarah	B+
5	Matematik	A
6	Sains	B
7	Perdagangan	B
8	Ekonomi Asas	B+
9	Prinsip Perakaunan	B

ii. Pengiraan Markah Akademik 5 Mata Pelajaran

BIL.	MATA PELAJARAN	GRED	NILAI MARKAH
1	Bahasa Melayu	A-	8
2	Matematik	A	9
3	Ekonomi Asas	B+	7
4	Bahasa Inggeris	A-	8
5	Pendidikan Islam	B+	7
JUMLAH			39

iii. **Markah Akademik bagi pengiraan Markah Merit Calon**

$$\begin{aligned} \text{a) Markah Akademik} &= \frac{\text{Markah 5 Mata Pelajaran Terbaik}}{50} \times 75\% \\ &= \frac{39}{50} \times 75 \\ &= \mathbf{58.5\%} \end{aligned}$$

b) Markah Kokurikulum = 8

c) Markah SES = 10

$$\begin{aligned} \text{d) Markah Merit} &= \text{Markah Akademik} + \text{Markah Kokurikulum} \\ &\quad + \text{Markah SES} \\ &= 58.5 + 8 + 10 \\ &= \mathbf{76.5\%} \end{aligned}$$